

PM pertimbang jadi orang tengah

BH - 1 FEB 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sedang menimbang menjadi orang tengah bagi mencari jalan penyelesaian krisis dalaman MCA, parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mendengar penjelasan daripada kedua-dua pihak yang bertelagah secara berasingan Isnin dan semalam untuk mendengar sendiri masalah mereka.

"Ya saya jumpa, saya nak dengar. Mereka nak bagi penjelasan tentang apa masalah daripada sudut masing-masing... kita dengarlah. Sebagai pengerusi BN menjadi tanggungjawab saya untuk mengetahui keadaan sebenar.

"Tetapi (masalah mereka) masih belum selesai

Sebagai pengerusi BN, PM bertanggungjawab mendengar masalah yang melanda MCA dan mencari jalan penyelesaian

lagi dan kita akan cari jalan supaya diselesaikan," katanya selepas merasmikan Pasarakyat di sini, petang ini.

Ditanya sama ada terdapat cadangan supaya beliau menjadi orang tengah untuk mencari penyelesaian kepada masalah MCA itu, Dr Mahathir berkata: "Ada yang berpendapat saya sebagai Pengerusi BN patut ambil berat tentang perkara ini dan saya sedang menimbangkannya".

Mengenai kemungkinan MCA mempunyai dua presiden seperti apa yang berlaku dalam Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Dr Mahathir berkata itu ha-

nyalah spekulasi media.

"Itu spekulasi akhbar. Akhbar membuat spekulasi untuk dapat lebih banyak berita... soronoklah kalau ada macam itu... ini adalah keadaan ideal untuk akhbar apabila ada orang bertumbuh," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, setiap parti politik ada masalahnya sendiri, apatah lagi BN yang kini ada 14 parti komponen.

"Yalah parti komponen ada 14, mana boleh tak ada masalah. Anda pun ada problem juga, saya yakin... pasangan yang bercinta juga ada masalah," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Bank Utama

Bhd dan RHB Bank dijangka menandatangani perjanjian penggabungan mereka tidak lama lagi.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak dapat memberikan jaminan berkaitan penggabungan itu.

"Ini dibuat oleh orang lain, macam mana saya boleh bagi jaminan. Saya tidak tahu," katanya yang juga Menteri Kewangan.

Ditanya sama ada niaga janji itu sudah dimuktamadkan, Perdana Menteri berkata beliau hanya mendengar kedua-dua pihak mahu menandatangani perjanjian penggabungan itu tidak lama lagi.

Mengenai kemungkinan Bank Utama akan membayar kepada Pengerusi Eksekutif RHB, Tan Sri Rashid Hussain sebanyak RM6 se-saham bagi 23.9 peratus pegangannya dalam RHB, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Anda perlu tanya beliau".